



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

# **PERATURAN MENGENAI PENGGUNAAN KEMUDAHAN, KELENGKAPAN DAN ASET KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN OLEH PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN SERTA KESATUAN SEKERJA PERKHIDMATAN AWAM DAN BADAN BERKANUN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**12 Januari 2018**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3904  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

---

Rujukan Kami: JPM.S.100-1/10/4( 10 )

Tarikh: 12 Januari 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

**PERATURAN MENGENAI PENGGUNAAN KEMUDAHAN,  
KELENGKAPAN DAN ASET KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
KERAJAAN OLEH PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN SERTA  
KESATUAN SEKERJA PERKHIDMATAN AWAM DAN BADAN  
BERKANUN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menetapkan peraturan mengenai penggunaan kemudahan, kelengkapan dan aset Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan oleh pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja perkhidmatan awam dan badan berkanun dalam menjalankan aktivitinya.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1991 (SPA Bil. 2/1991) membenarkan secara bersyarat kepada pertubuhan kebajikan dan sukan di Agensi-agensi Kerajaan untuk menggunakan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan bagi menjalankan aktiviti rasmi pertubuhan.
- 2.2 Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana Bil. 1 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 5 Mei 2017 telah bersetuju dengan permohonan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang memohon supaya kebenaran penggunaan kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan dipanjangkan kepada kesatuan sekerja perkhidmatan awam yang bergabung di bawah CUEPACS dan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) bagi menjalankan aktiviti rasmi kesatuan sekerja perkhidmatan awam.
- 2.3 Kerajaan juga telah memutuskan agar kebenaran menggunakan kenderaan Kerajaan turut dipanjangkan kepada kesatuan sekerja badan berkanun yang berdaftar dengan JHEKS bagi menjalankan aktiviti rasmi kesatuan sekerja.

### 3. TAFSIRAN

3.1 Bagi maksud Surat Pekeliling ini, pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja yang diliputi adalah:

3.1.1 pertubuhan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan di peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi / Negeri yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];

3.1.2 pertubuhan lain yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta 335 yang ditentukan oleh Ketua Setiausaha Negara dari semasa ke semasa seperti di **Lampiran A**;

3.1.3 kesatuan sekerja perkhidmatan awam yang berdaftar dengan JHEKS di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*]; dan

3.1.4 kesatuan sekerja badan berkanun yang berdaftar dengan JHEKS di bawah Akta 262.

### 4. Peraturan Penggunaan Kemudahan, Kelengkapan dan Aset Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan

4.1 Ketua Jabatan boleh membenarkan penggunaan kemudahan, kelengkapan dan aset Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4.3.1 (kenderaan), 4.3.2 (peralatan dan

kelengkapan) dan 4.3.3 (ruang pejabat) kepada pertubuhan kebajikan dan sukan seperti di perenggan 3.1.1 dan 3.1.2 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti rasmi yang disenaraikan di **Lampiran B**.

- 4.2 Ketua Jabatan boleh membenarkan penggunaan kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4.3.1 kepada kesatuan sekerja seperti di perenggan 3.1.3 dan 3.1.4 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti rasmi yang disenaraikan di **Lampiran B**.
- 4.3 Peraturan penggunaan kemudahan, kelengkapan dan aset Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan adalah seperti yang berikut:

#### **4.3.1 Kenderaan**

Kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan boleh digunakan tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) penggunaan kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan tidak mengganggu urusan rasmi Kerajaan;
- (b) sekiranya berlaku kemalangan / kerosakan pada kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan, kos pembaikan akan ditanggung oleh Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan;

- (c) pemandu kenderaan adalah dianggap menjalankan tugas rasmi;
- (d) pengguna kenderaan yang merupakan pegawai Kerajaan adalah dianggap sebagai diberikan pelepasan daripada pelaksanaan tugas rasmi dalam menjalankan aktiviti pertubuhan / kesatuan sekerja;
- (e) permohonan penggunaan kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan oleh pengguna hendaklah dibuat atas nama pertubuhan / kesatuan sekerja yang boleh bertanggung bagi apa-apa liabiliti yang berbangkit;
- (f) semasa permohonan penggunaan kenderaan dibuat oleh pertubuhan / kesatuan sekerja kepada Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan pertubuhan / kesatuan sekerja hendaklah menamakan pegawai dalam pertubuhan / kesatuan sekerja tersebut yang diberi kuasa yang akan bertanggungjawab dalam memberikan arahan kepada pemandu kenderaan sepanjang menjalankan tugas bagi aktiviti pertubuhan / kesatuan sekerja;

- (g) pengguna hendaklah menandatangani borang pelepasan yang mana Kerajaan dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab sama ada dalam bentuk tanggungan (*liability*) ataupun sebarang tindakan undang-undang berkaitan dengan penggunaan kenderaan Kementerian / Jabatan / Agensi / Kerajaan. Borang pelepasan tersebut adalah seperti di **Lampiran C**; dan
- (h) pengguna kenderaan hendaklah mengambil dan membiayai kos insurans kemalangan secara individu / berkelompok daripada syarikat insurans berlesen.

#### **4.3.2 Peralatan dan Kelengkapan**

Penggunaan kemudahan peralatan dan kelengkapan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan tertentu boleh dibenarkan dengan syarat ia tidak mengganggu urusan rasmi Kerajaan. Penggunaan kemudahan peralatan dan kelengkapan rasmi Kerajaan seperti cop, kepala surat, kulit fail dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

### **4.3.3 Ruang Pejabat**

Penggunaan sebahagian kecil daripada ruang pejabat Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan boleh dibenarkan untuk digunakan sebagai pejabat berdaftar pertubuhan kebajikan dan sukan sekiranya Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan mempunyai ruang pejabat yang tidak digunakan.

## **5. BAYARAN ELAUN-ELAUN**

Sebarang tuntutan elaun-elaun penginapan, makan dan perjalanan daripada ahli-ahli yang menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan / kesatuan sekerja hendaklah ditanggung oleh pertubuhan / kesatuan sekerja berkenaan. Dalam hal ini, pertubuhan / kesatuan sekerja tersebut hendaklah menentukan kadar-kadar elaun yang akan dibayar ataupun menyediakan kemudahan penginapan, makan dan perjalanan.

## **6. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **7. PEMAKAIAN**

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2018 ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan) dan Pihak Berkuasa Tempatan.



**8. PEMBATALAN**

Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1991 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ALI BIN HAMSA)**  
Ketua Setiausaha Negara

## LAMPIRAN A

### **PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN YANG DIBENARKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN, KELENGKAPAN DAN ASET KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN**

1. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).
2. Persatuan Keluarga Polis (PERKEP).
3. Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT).
4. Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI).
5. Persatuan Wanita Luar Negeri (PERWAKILAN).
6. Majlis Sukan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan.

## LAMPIRAN B

### **AKTIVITI-AKTIVITI RASMI PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN SERTA KESATUAN SEKERJA**

1. Persidangan Perwakilan / Mesyuarat Agung / Mesyuarat Exco / Pemilihan Pegawai.
2. Mengadakan program tahunan seperti Sukan / Hari Keluarga / Jamuan / Perkhemahan Tahunan.
3. Latihan / Kursus.
4. Aktiviti-aktiviti keagamaan, kebajikan, kesenian dan kebudayaan.
5. Mewakili pertandingan aktiviti sukan.
6. Sebagai Pegawai Sukan (*Official*) untuk membantu mengelolakan sesuatu pertandingan seperti di atas.
7. Sebagai Pegawai Pasukan / Jurulatih / Pengadil / Pegawai Pertandingan.
8. Lawatan dan aktiviti kemasyarakatan.

**PELEPASAN TANGGUNGAN**

Saya .....  
No. K.P. .... yang beralamat di  
.....  
.....

dengan rela hati mengesahkan bahawa sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia, atas permintaan saya, membenarkan saya menaiki sebagai penumpang kenderaan ..... yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia atau yang dipandu bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan ini bersetuju bagi pihak diri saya, pentadbir harta pusaka dan tanggungan saya, untuk melepaskan Kerajaan Malaysia dan/atau kakitangan atau ejennya daripada segala liabiliti akibat daripada apa-apa kecederaan (termasuk apa-apa kecederaan yang mengakibatkan kematian) yang dialami oleh saya atau apa-apa kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan saya sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan ketika saya berada sebagai penumpang di dalam kenderaan tersebut.

Dibuat pada ..... hb ..... 20 .....

Tandatangan:

Saksi:

Nama:

Jawatan: